

**PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-8**  
**(Karya Hujjatul Islam Imam al-Ghazali)**  
**Kuliah Maghrib kali ke-92 di Surau An-Nur**

**HASIL DARIPADA ILMU**

Hasil di akhirat:

- Mendekatkan diri kepada Tuhan.
- Kejayaan di akhirat... syurga.

Hasil di dunia:

- Kemuliaan, kebesaran, pengaruh, pemerintahan, penghormatan.

Kesimpulannya, hasil ilmu ialah kejayaan, iaitu kejayaan di dunia dan di akhirat.

**HIKMAH AL-GHAZALI 8**

“Dunia adalah tempat bercucuk-tanam bagi akhirat. Dunia adalah alat yang menyampaikan kepada Allah Taala, bagi orang yang mahu mengambilnya menjadi alat dan tempat tinggal. Tidak bagi orang yang mengambilnya menjadi tempat tetap dan tanah air abadi.” Ms 75

**Apakah maksud ‘bercucuk-tanam’ itu?**

Melaksanakan perintah Tuhan. Antara perintah Tuhan ialah menuntut ilmu, membanyakkan amal, melakukan kebajikan dan lain-lain.

**Mengapa dunia dikatakan tempat bercucuk tanam?**

Kerana di dunialah tempat untuk kita berusaha. Manakala di akhirat ialah tempat untuk menuai hasil usaha. Akhirat bukan tempat untuk bercucuk tanam lagi.

**Apa berlaku jika kita tidak bercucuk-tanam di dunia?**

Kita akan menyesal di akhirat.

Kita akan minta dikembalikan ke dunia untuk bercucuk-tanam (tapi mustahil diizinkan Tuhan).

**Bagaimana hendak sampai kepada Allah?**

Kenalah masuk syurga. Untuk masuk syurga kenalah beramal. Untuk beramal kenalah ada ilmu.

Dunia ini ALAT. Mendapatkan kejayaan di akhirat itu MATLAMAT.

Jangan tumpu pada alat, nanti kita rugi di akhirat.

Tumpulah pada cara-cara menggunakan alat untuk mendapatkan akhirat.

**CARA MENGATUR URUSAN DUNIA**

Urusan duniawi tidak akan teratur, selain dengan amal perbuatan manusia. Apakah amalan manusia yang membuatkan dunia ini teratur?

1. PERKARA POKOK (Pekerjaan asas) – bertani, menenun kain, membina tempat tinggal dan politik.
2. PELAYAN KEPADA PERKARA POKOK (Pekerjaan yang melancarkan pekerjaan asas) – buat alatan untuk pertanian, membuat benang untuk membuat kain.
3. PENYEMPURNA/ PENGHIASNYA (Pekerjaan memproses hasil) – menumbuk tepung, buat roti, gunting kain.

Sebagaimana bumi, begitu juga manusia. Pada manusia mesti ada 3 perkara di atas.

1. PERKARA POKOK – Hati, jantung, otak.
2. PELAYAN – perut, urat, urat saraf, pembuluh darah.
3. PENGHIAS/PENYEMPURNA – Kuku, anak jari, bulu kening.

Manakah yang paling mulia?

Tentulah PERKARA POKOKNYA.

Kami sesungguhnya mengatakan, bahawa mengajar ini adalah lebih utama, dibandingkan dengan pekerjaan dan usaha lain. 77

### **Mengapa pekerjaan mengajar agama itu pekerjaan paling mulia?**

Makhluk yang paling mulia di bumi ialah manusia.

Makhluk yang paling mulia pada diri manusia ialah hatinya.

Jadi, hati manusia ialah yang paling mulia daripada yang paling mulia.

Guru agama melakukan kerja yang paling mulia kerana mereka menguruskan hati manusia (iaitu perkara yang paling mulia daripada yang paling mulia tadi).

Guru agama bekerja menyempurnakan, membersihkan, mensucikan dan membawa hati itu mendekati Allah SWT.

Manusia ialah khalifah Allah di dunia.

Tugas khalifah Allah yang paling mulia ialah menguruskan hati manusia, iaitu sebagai guru agama.

### **HIKMAH AL-GHAZALI 9**

“Maka manakah pangkat yang lebih mulia daripada menjadi perantara antara Tuhan dan makhluk-Nya untuk mendekatkan kepada-Nya dan membawa mereka ke syurga tempat kediaman?”